

NO SOALAN :20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 06.11.2017

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk menjual aset Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) kepada Maju Holdings Sdn. Bhd, bagaimana nasib pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan apakah cadangan Kerajaan untuk menggantikan pelaburan KWSP itu dengan aset lain yang setaraf PLUS .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS Malaysia Berhad (PLUS)

merupakan salah satu daripada pelaburan teras Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan 49 peratus kepentingan manakala UEM Group Berhad (UEM Group) memperoleh 51 peratus kepentingan. Buat masa ini, KWSP dan UEM tidak berhasrat untuk menjual kepentingan di dalam PLUS.